



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

GARIS PANDUAN

KUMPULAN PENYELIDIKAN

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Disediakan	Disemak	Diluluskan
Urus Setia GP	 ----- Puan Nor Eloni Nor Azmi Ketua Pentadbiran IDEA-UKM	 ----- Prof. Dr. Jamia Azdina Jamal Pengarah IDEA-UKM
Tarikh: 18 Ogos 2022	Tarikh: 18 Ogos 2022	Tarikh: 18 Ogos 2022

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kkuatkuasa
01	00	18 Ogos 2022



Pusat IDEA (IDEA-UKM)

**GARIS PANDUAN KUMPULAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1	BAHAGIAN 1 (PENGENALAN) 1.1 Tujuan Kumpulan Penyelidikan UKM 1.2 Latar Belakang Kumpulan Penyelidikan UKM 1.3 Justifikasi Kumpulan Penyelidikan UKM 1.4 Objektif Kumpulan Penyelidikan UKM 1.5 Peranan Kumpulan Penyelidikan UKM	3
2	BAHAGIAN 2 (KRITERIA) 2.1 Kriteria Kumpulan Penyelidikan UKM	6
3	BAHAGIAN 3 (TATACARA PENUBUHAN DAN PENGIKTIRAFAN) 3.1 Tatacara Penubuhan dan Pengiktirafan Kumpulan Penyelidikan UKM	7
4	BAHAGIAN 4 (TADBIR URUS) 4.1 Tadbir Urus Kumpulan Penyelidikan UKM 4.2 Pengiktirafan dan Pelantikan Kumpulan Penyelidikan UKM 4.3 Struktur Kumpulan Penyelidikan UKM	9
5	BAHAGIAN 5 (PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PRESTASI) 5.1 Prestasi Kumpulan Penyelidikan UKM	11

BAHAGIAN 1 : PENGENALAN

1.1 TUJUAN KUMPULAN PENYELIDIKAN UKM

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada staf akademik dan pentadbiran Universiti dalam merancang dan memperkasakan Kumpulan Penyelidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selaras dengan agenda penyelidikan dan naratif baharu UKM yang menyumbang kepada penarafan universiti di peringkat kebangsaan seperti MyRA® dan antarabangsa.

1.2 LATAR BELAKANG KUMPULAN PENYELIDIKAN UKM

1.2.1 Mesyuarat JPPI Bil.5/2017 bertarikh 6 Disember 2017 telah memperakukan Kertas Kerja Pemakluman Pemulangan 180 Kumpulan Penyelidikan Berdaftar kepada Fakulti/Institut/Pusat Berdasarkan Pusat Tanggung Jawab (PTJ) Ketua Kumpulan Penyelidikan yang berkenaan. Antara justifikasi pemulangan tersebut adalah:

- i. Memudahkan pihak pengurusan tertinggi PTJ untuk memantau kumpulan penyelidikan masing-masing secara berkala.
- ii. Memastikan setiap kumpulan penyelidikan dapat bergerak aktif semula dengan memperhalusi hala tuju kumpulan penyelidikan masing-masing dengan sokongan oleh PTJ masing-masing.
- iii. Kumpulan penyelidikan dapat dipautkan kepada pusat-pusat kecemerlangan penyelidikan PTJ dan cabang Cabaran Perdana UKM.

1.2.2 Bermula pada tahun 2019 melalui penubuhan Jawatankuasa Bertindak Pengukuhan Cabaran Perdana, Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi) pada ketika itu telah mencadangkan supaya setiap Fakulti/Institut/Pusat mengemaskini maklumat Kumpulan Penyelidikan yang berada di bawah tanggungjawab Fakulti/Institut/Pusat masing-masing, dan seterusnya mengadakan perbincangan lanjutan untuk memperkasakan kumpulan-kumpulan penyelidikan tersebut supaya dapat mendokong agenda universiti, khususnya Tujuh Cabaran Perdana.

1.2.3 Susulan itu, pada 8 Julai 2019, Pusat IDEA-UKM telah mengedarkan permohonan maklumat kepada semua Dekan/Pengarah dan ketua-ketua Kumpulan Penyelidikan (yang mendapat skor purata penilaian 3-5 mata) supaya mengemaskini maklumat kumpulan penyelidikan masing-masing. Sebanyak 136 kumpulan penyelidikan telah dikenalpasti; 96 daripada gugusan sains, teknologi dan kesihatan dan 40 daripada gugusan sains sosial. Walau bagaimanapun, hasil

daripada maklum balas, hanya 73 kumpulan penyelidikan atau 53.68% yang memberikan respon.

- 1.2.4 Pada tahun 2021, selepas setahun penstrukturan ekosistem penyelidikan dan penubuhan Kluster Penyelidikan, beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama pihak Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), entiti Penyelidikan dan Inovasi dan Peneraju Kluster Penyelidikan agar universiti memainkan peranan untuk menyokong kumpulan penyelidikan tersebut supaya terus bergerak aktif khususnya dalam membantu kluster penyelidikan bagi mengukuhkan lagi perancangan strategik penyelidikan UKM.
- 1.2.5 Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan Khas bertarikh 16 Jun 2021 telah mencadangkan agar Pusat IDEA menyemak semula struktur governan dan peranan kumpulan penyelidikan dalam usaha melestarikan aktiviti-aktiviti penyelidikan yang menyumbang kepada kecemerlangan universiti. Dengan penambahbaikan ini, kumpulan penyelidikan yang diiktiraf di peringkat universiti layak untuk memohon Geran Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KKP) dan dinaiktaraf kepada Pusat Kecemerlangan Universiti setelah memenuhi kriteria.
- 1.2.6 Kumpulan Penyelidikan juga menjadi tunggak kepada kelangsungan kegiatan sekumpulan ahli akademik yang mempunyai kepakaran untuk menerobos ufuk kesarjanaan dalam aspek penyelidikan, pembangunan, inovasi, dan pengkomersialan (R&D&I&C). Penyelidikan yang dilaksanakan bukan sahaja bersifat fundamental dan translasi, malahan di ambang ufuk kesarjanaan, gunaan dan strategik untuk kepentingan pihak berkepentingan. Landasan ini diyakini dapat mengangkat kerjasama para ilmuwan untuk meneruskan kesinambungan UKM sebagai sebuah universiti penyelidikan yang unggul dan bertaraf dunia dengan sokongan Kumpulan Penyelidikan yang diiktiraf di peringkat universiti.

1.3 JUSTIFIKASI KUMPULAN PENYELIDIKAN UKM

- i. Merupakan struktur asas dalam ekosistem universiti penyelidikan.
- ii. Mendorong kepada penerokaan dan penjanaan ilmu pengetahuan baharu bersama pihak berkepentingan.
- iii. Mendorong penyelidikan multidisiplin dan translasi yang berimpak.
- iv. Melestarikan penyelidikan melalui pemerksaan budaya penyelidikan dalam kalangan penyelidik muda.
- v. Melestarikan pelan pewarisan kesarjanaan dan kepakaran di universiti.

1.4 OBJEKTIF KUMPULAN PENYELIDIKAN UKM

Objektif utama penubuhan dan pengiktirafan Kumpulan Penyelidikan UKM adalah untuk:

- 1.4.1 Memartabatkan UKM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang terkenal dan terkehadapan dalam bidang penyelidikan asas, strategik, translasi dan termaju yang relevan, dirujuk, dan dihormati di persada kebangsaan dan antarabangsa.
- 1.4.2 Menyediakan platform kepada pasukan penyelidik untuk melaksanakan penyelidikan multidisiplin dan translasi.
- 1.4.3 Menggembeng sumber penyelidikan dan inovasi yang terdapat di dalam dan luar UKM.
- 1.4.4 Menempatkan prasarana penyelidikan secara bersama bagi memudahkan urusan penyelidikan multidisiplin dan translasi.
- 1.4.5 Memberikan sumbangan yang bererti dalam proses pembangunan insan dan khidmat bakti kepada masyarakat.

1.5 PERANAN KUMPULAN PENYELIDIKAN UKM

Peranan yang perlu dilaksanakan oleh Kumpulan Penyelidikan UKM adalah sebagai platform untuk:

- i. Melaksanakan aktiviti penyelidikan dalam bidang fokus yang telah dikenalpasti.
- ii. Mengoptimumkan potensi sumber pakar dan kepakaran universiti.
- iii. Mengukuhkan pakar rujuk berkaitan aktiviti penyelidikan yang terfokus dan rentas disiplin.
- iv. Memberikan khidmat kepakaran dan perundingan yang sistematik dan profesional di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- v. Mewujudkan sistem jaringan penyelidikan yang kukuh di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- vi. Merancang dan berusaha untuk meningkatkan prestasi bagi mendapat pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan Penyelidikan di peringkat UKM.



BAHAGIAN 2 : KRITERIA

2.1 KRITERIA KUMPULAN PENYELIDIKAN UKM

Kriteria penubuhan Kumpulan Penyelidikan UKM adalah seperti berikut:

- i. Setiap kumpulan diketuai oleh seorang penyelidik aktif dan berjawatan tetap dengan jawatan Profesor atau Profesor Madya.
- ii. Setiap kumpulan melibatkan sekurang-kurangnya seorang penyelidik muda (gred 52 ke bawah).
- iii. Setiap kumpulan mempunyai bilangan ahli kumpulan minimum lima (5) orang (termasuk ketua dan penyelidik muda).
- iv. Keahlian kumpulan terdiri daripada penyelidik dari pelbagai bidang multidisiplin dan transdisiplin.
- v. Seorang ahli boleh menganggotai maksimum dua (2) kumpulan penyelidikan sahaja.
- vi. Prestasi kumpulan penyelidikan dinilai berdasarkan kepada pencapaian tiga (3) tahun kebelakang.
- vii. Setiap permohonan dan penilaian Kumpulan Penyelidikan UKM akan melalui Jawatankuasa Penilai Kumpulan Penyelidikan UKM.



BAHAGIAN 3 : TATACARA PENUBUHAN DAN PENGIKTIRAFAN


3.1 TATACARA PENUBUHAN DAN PENGIKTIRAFAN KUMPULAN PENYELIDIKAN UKM

Tatacara penubuhan dan pengiktirafan Kumpulan Penyelidikan UKM adalah seperti berikut (rujuk Rajah 1):

- 3.1.1 Pemohon yang ingin menubuhkan Kumpulan Penyelidikan UKM perlu melengkapkan Instrumen Penilaian HICoE Teras Penyelidikan dan Inovasi, Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Borang Permohonan Penubuhan Kumpulan Penyelidikan UKM dan melampirkan salinan dokumen pembuktian yang berkaitan.
- 3.1.2 Borang permohonan Penubuhan Kumpulan Penyelidikan UKM yang lengkap perlu disah dan disokong oleh Dekan/Pengarah.
- 3.1.3 Permohonan perlu dimajukan kepada Pusat IDEA secara dalam talian oleh urus setia penyelidikan PTJ.
- 3.1.4 Setiap permohonan dan dokumen akan melalui proses semakan saringan di peringkat Pusat IDEA.
- 3.1.5 Permohonan yang lengkap akan diaudit oleh Jawatankuasa Audit Penubuhan Kumpulan Penyelidikan UKM yang dilantik.
- 3.1.6 Permohonan yang disokong oleh Jawatankuasa Audit Penubuhan Kumpulan Penyelidikan UKM akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilai Penubuhan Kumpulan Penyelidikan UKM yang dilantik. Permohonan yang lulus penilaian akan dimuktamadkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan (JKPP) dan seterusnya dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Penyelidikan dan Inovasi (JPPI).
- 3.1.7 Keputusan penilaian akan dimaklumkan kepada pemohon.

TANGGUNGJAWAB

PROSES KERJA



Rajah 1: Carta Alir Permohonan Penubuhan Kumpulan Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

BAHAGIAN 4 : TADBIR URUS

4.1 TADBIR URUS KUMPULAN PENYELIDIKAN UKM

- 4.1.1 Kumpulan Penyelidikan UKM adalah di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi.
- 4.1.2 Pusat IDEA melalui Peneraju Kluster Penyelidikan bertanggung jawab merancang, memantau dan melaporkan aktiviti dan prestasi Kumpulan Penyelidikan UKM.
- 4.1.3 Ketua Kumpulan Penyelidikan UKM bertanggung jawab merancang, melaksana dan melaporkan aktiviti dan prestasi kumpulan penyelidikannya kepada Peneraju Kluster Penyelidikan.


4.2 PENGIKTIRAFAN DAN PELANTIKAN KUMPULAN PENYELIDIKAN UKM

- 4.2.1 Setiap Kumpulan Penyelidikan UKM yang ditubuhkan akan didaftarkan dan diberikan pengiktirafan di peringkat universiti.
- 4.2.2 Ketua Kumpulan Penyelidikan UKM dilantik oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi.
- 4.2.3 Ahli kumpulan penyelidikan dilantik oleh Ketua Kumpulan Penyelidikan UKM.

4.3 STRUKTUR KUMPULAN PENYELIDIKAN UKM

- 4.3.1 Struktur organisasi Kumpulan Penyelidikan UKM adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.
- 4.3.2 Pusat IDEA UKM melalui Kluster Penyelidikan merupakan sekretariat yang akan menguruskan hal-ehwal perancangan, pemantauan dan pelaporan aktiviti dan prestasi Kumpulan Penyelidikan UKM bagi setiap tahun penilaian.
- 4.3.3 Peneraju Kluster Penyelidikan akan memainkan peranan sebagai pemudahcara bagi setiap Kumpulan Penyelidikan UKM yang bernaung di bawah kluster-kluster penyelidikan seperti berikut:
 - i. Transformasi Sosial dan Ekonomi (TSE)
 - ii. Warisan dan Masyarakat Madani (WMM)
 - iii. Kesihatan dan Perubatan Termaju (KPT)

- iv. Teknologi Digital dan Terkehadapan (TDT)
- v. Sumber Lestari, Alam Sekitar dan Kehidupan Pintar (SLASKP)



Rajah 2: Carta Organisasi Kumpulan Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

BAHAGIAN 5 : PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PRESTASI

5.1 PRESTASI KUMPULAN PENYELIDIKAN UKM

- 5.1.1 Setiap Kumpulan Penyelidikan UKM perlu memenuhi sasaran prestasi yang telah ditetapkan oleh pihak universiti agar selaras dengan kehendak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi melahirkan Kumpulan Penyelidikan UKM yang bertaraf antarabangsa, di samping menyokong agenda penyelidikan dan naratif baharu UKM serta penarafan UKM di peringkat kebangsaan seperti MyRA® dan antarabangsa.
- 5.1.2 Sasaran prestasi ini akan dijadikan penanda aras dalam penentuan pencapaian Kumpulan Penyelidikan UKM bagi setiap tahun penilaian.
- 5.1.3 Kumpulan Penyelidikan UKM perlu menyediakan pelaporan dan melengkapkan Borang Instrumen Penilaian HICoE Teras Penyelidikan dan Inovasi, Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) yang merangkumi kriteria seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Seksyen	Kriteria
A	Maklumat Am
B	Kuantiti dan Kualiti Penyelidik
C	Kuantiti dan Kualiti Penyelidikan
D	Kuantiti dan Kualiti Pasca Siswazah
E	Inovasi
F	Perkhidmatan Profesional dan Hadiah
G	Jaringan dan Hubungan
H	Sumber

**Jadual 1: Kriteria Penilaian Borang Instrumen Penilaian HICoE (Teras Penyelidikan & Inovasi),
Jabatan Pendidikan Tinggi**

- 5.1.4 Pemantauan dan penilaian prestasi Kumpulan Penyelidikan UKM akan dilaksanakan setiap tahun oleh Pusat IDEA UKM.
- 5.1.5 Kumpulan Penyelidikan UKM yang melepasi markah penilaian minimum yang ditetapkan akan diberikan pengiktirafan selayaknya.



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*National University
of Malaysia*

Pusat IDEA (IDEA-UKM)

**GARIS PANDUAN KUMPULAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

PUSAT IDEA

Aras 2 Kompleks Penyelidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan
idea@ukm.edu.my

**DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL
PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN**